

KHAMIS

21 02  
2019

# BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

51 **USAHAWAN**  
Kafe konsep santai dalam kampus

52 **PENDAPAT**  
Cabar diri terokai alam kampus

54 **INOVASI**  
Kesan gelombang otak manusia

## ALUMNI UNIVERSITI DI MALAYSIA



## ALUMNI TERUSKAN KECEMERLANGAN

→ Pusat Alumni bertindak sebagai 'orang tengah' menjana pendapatan universiti

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

### ▸ Serdang

**P**embabitkan alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan secara sukarela kepada universiti yang pernah menjadi tempat mereka menimba ilmu adalah penting bagi mengekalkan pembangunan sesebuah universiti.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka), alumni bermaksud siswazah atau lepasan sesebuah institusi pembelajaran.

Ini bermakna sebaik sahaja seseorang itu melangkah keluar atau erti kata lain tamat pengajian di sesebuah institusi pendidikan, maka layaklah seseorang itu digelar alumni dan masih mempunyai

tanggungjawab serta membawa nama institusi ke mana pun mereka berada.

Wujudnya inisiatif penyediaan saluran atau pusat yang menghubungkan alumni bukan sahaja sesama rakan sekuliah sebaliknya hubungan alumni bersama-sama pelajar universiti yang masih meneruskan perjuangan.

Fungsi Pusat Alumni tidak setakat memainkan peranan mendapatkan maklumat melalui kaji selidik graduan sebaik sahaja tamat pengajian namun bertindak sebagai 'orang tengah' menyokong aktiviti ke arah penjana pendapatan universiti.

Minggu ini wartawan BH Varsiti, Nas Norziela Nasbah mengupas isu membabitkan fungsi dan peranan alumni dalam menyumbang kembali bukan sahaja kepada universiti, tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya.